

SARJANA EKONOMI

(Mod Kerja Kursus)

Program ini ditawarkan bagi memenuhi tuntutan keperluan semasa dalam bidang Ekonomi agar graduan dapat bersaing di peringkat global. Selaras dengan itu, program ini menyediakan pelajar dengan ilmu penyelidikan dan penulisan yang mantap.

Matlamat Program

Program ini bertujuan menyediakan graduan dengan ilmu ekonomi lanjutan bagi melahirkan graduan yang mahir daripada segi teori ekonomi, aplikasi empirik dan mampu menjalankan penyelidikan dengan baik, sesuai sebagai ahli akademik, penyelidik dan pengubal dasar.

Objektif Program Sarjana Ekonomi (SE) adalah:

- a. Melahirkan graduan kompeten yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran mantap dalam bidang ekonomi,
- b. Melahirkan graduan yang mempunyai sikap yang professional serta beretika dalam memenuhi tanggungjawab kepada Tuhan dan masyarakat; dan
- c. Mengembangkan kompetensi dalam bidang kajian yang dipilih.

Hasil Pembelajaran

Di akhir pengajian, graduan dapat:

- a. Menunjukkan kepakaran secara sistematik dan mendalam berkenaan bidang ekonomi serta menguasai skil dan kaedah penyelidikan;
- b. Menggunakan keupayaan untuk menghasil, membentuk, melaksana dan menerima pakai sebahagian besar dari proses penyelidikan dengan bijaksana;
- c. Menjalankan penyelidikan yang memberi sumbangan asli bagi meluaskan sempadan pengetahuan melalui kajian yang telah dibentang dan dipertahankan berdasarkan amalan antarabangsa, dan penulisan dalam penerbitan berwacan;
- d. Melakukan analisis yang kritis, menilai dan mensintesis idea baru;
- e. Berkomunikasi dengan komuniti bersepakaran dan masyarakat umum berkenaan bidang ekonomi;
- f. Mempromosikan hasil penyelidikan dalam konteks keunikan sosial dan budaya pengurusan kepada masyarakat berilmu.

Syarat Kemasukan

Syarat kemasukan adalah seperti berikut:

- a. Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian dengan PNGK yang baik dari UKM atau institusi pengajian tinggi lain yang diiktiraf oleh Senat UKM; atau
- b. Kelulusan lain yang setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian dengan PNGK yang baik dari UKM atau institusi pengajian tinggi lain yang diiktiraf oleh Senat UKM; dan
- c. Memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh program atau Fakulti; dan Syarat keperluan Bahasa Inggeris:
 - (i) Calon luar negara hendaklah memenuhi syarat keperluan Bahasa Inggeris seperti berikut:
 - (a) mendapat keputusan TOEFL atau IELTS yang memenuhi syarat skor atau band minimum yang ditetapkan oleh program masing-masing; atau
 - (b) calon hendaklah mengambil Ujian Kecekapan Bahasa Inggeris (UKBI) dan sekiranya dia tidak melepassi tahap yang ditetapkan oleh program, calon hendaklah mengikuti dan lulus Modul Kemahiran Bahasa Inggeris (MKBI) dalam tempoh tidak lewat dari tiga (3) semester untuk program Kedoktoran atau dua (2) semester untuk program Sarjana dari tarikh pendaftaran masuk ke Universiti.
 - (ii) Bagi calon luar negara yang akan menulis tesis/disertasi dalam Bahasa Melayu/Bahasa Arab boleh dikecualikan daripada syarat yang dinyatakan dalam subperaturan 5(1)(a) tetapi calon itu hendaklah mengambil Ujian Kecekapan Bahasa Inggeris (UKBI) dan sekiranya dia tidak melepassi tahap yang ditetapkan oleh program, calon dikehendaki mengikuti dan lulus Modul Kemahiran Bahasa Inggeris (MKBI).
 - (iii) Calon luar negara yang memiliki kelayakan akademik yang diperoleh dari mana-mana universiti tempatan yang diiktiraf oleh Senat boleh dikecualikan daripada syarat yang dinyatakan dalam subperaturan 5(1)(a) tetapi calon itu hendaklah mengambil Ujian Kecekapan Bahasa Inggeris (UKBI) dan sekiranya dia tidak melepassi tahap yang ditetapkan oleh program, calon dikehendaki mengikuti dan lulus Modul Kemahiran Bahasa Inggeris (MKBI).
 - (iv) Fakulti/Institut boleh memberi pengecualian kepada syarat yang dinyatakan dalam subperaturan 5(1) kepada calon luar negara yang

berasal dari negara yang Bahasa Inggeris adalah Bahasa rasminya atau yang memiliki kelayakan akademik yang diperoleh dari mana-mana institusi pengajian tinggi yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa pengantar.

Bentuk Pendaftaran dan Tempoh Pengajian

- a. 3 – 6 semester (Sepenuh masa)
- b. 4 – 8 semester (Separuh masa)

Struktur Program

- a. Calon hendaklah mengikutidan lulus 40 kredit kursus yang terdiri daripada komponen berikut:

| Jenis Kursus | Jam Kredit |
|--------------------|------------|
| Kursus Teras | 12 |
| Kursus Wajib Modul | 12 |
| Kursus Elektif | 8 |
| Kertas Ilmiah | 8 |
| Jumlah | 40 |

Senarai Kursus

- a. **Kursus Teras (12 kredit)**

EPPE6014 Mikroekonomi
EPPE6024 Makroekonomi
EPPE6034 Kaedah Ekonometrik

- b. **Kursus Wajib Modul (12 unit)**

Calon boleh memilih mana-mana (1) modul berikut:

Ekonomi Kewangan

EPPE6114 Analisis Portfolio
EPPE6124 Ekonomi Monetari
EPPE6164 Kewangan Antarabangsa

(atau)

Modul Ekonomi Industri

EPPE6134 Organisasi Industri Lanjutan

EPPE6264 Ekonomi Buruh Lanjutan
EPPE6174 Ekonomi Perdagangan dan Industri

(atau)

Modul Ekonomi Awam

EPPE6144 Pembiayaan Awam
EPPE6154 Ekonomi Dasar Sosial
EPPE6184 Ekonomi Politik Perdagangan

(atau)

Modul Ekonomi Antarabangsa

EPPE6164 Kewangan Antarabangsa
EPPE6174 Ekonomi Perdagangan dan Industri
EPPE6184 Ekonomi Politik Perdagangan Antarabangsa
**Dikendalikan di dalam Bahasa Inggeris*

(atau)

Modul Ekonomi Pembangunan

EPPE6214 Perancangan Ekonomi Lanjutan
EPPE6224 Teori dan Dasar Pembangunan
EPPE6234 Perdagangan dan Pembangunan

(atau)

Modul Ekonomi Sumber Manusia

EPPE6244 Perancangan Pembangunan Sumber Manusia
EPPE6255 Pengurusan Sumber Manusia
EPPE6264 Ekonomi Buruh Lanjutan

(atau)

Modul Ekonomi Pertanian Dan Gunaan

EPPE6314 Dasar Sumber Gunaan dan Analisis
EPPE6304 Ekonomi Pertanian Lanjutan
EPPE6324 Analisis Dasar dan Program Pertanian

(atau)

Modul Ekonomi Sumber dan Alam Sekitar

- EPPE6314 Dasar Sumber Gunaan dan Analisis Projek
- EPPE6334 Ekonomi Alam Sekitar dan Sumber Asli
- EPPE6344 Pengoptimuman Dinamik dan Teori Keputusan

(atau)

Modul Ekonometrik

- EPPE6414 Ekonometrik Lanjutan
- EPPE6424 Ekonometrik Siri Masa
- EPPE6434 Ekonometrik Gunaan

(atau)

Modul Ekonomi Islam

- EPPE6414 Fiqh Untuk Ekonomi
- EPPE6524 Pasaran Wang dan Modal Islam
- EPPE6534 Analisis Ekonomi Islam Lanjutan

(atau)

Modul Pengkhususan Kewangan Islam

- EPPE6524 Pasaran Wang dan Modal Islam
- EPPE6584 Pengurusan Kewangan Islam
- EPPE6594 Pengurusan dan Perancangan Harta Islam
- EPPE6614 Teori dan Praktis Takaful

(atau)

Modul Pengkhususan Perbankan Islam

- EPPE6524 Pasaran Wang dan Modal Islam
- EPPE6554 Perbankan Islam
- EPPE6564 Pengurusan Risiko Di Dalam Perbankan Islam
- EPPE6574 Isu Semasa Perbankan Islam

c. **Kursus Elektif (8 unit)**

Calon boleh memilih mana-mana kursus bagi memenuhi 8 kredit daripada mana-mana kursus daripada program Sarjana Ekonomi, Sarjana Ekonomi Islam dan Sarjana Keusahawanan dan Inovasi:

- d. **Kertas Ilmiah (8 unit)**
EPPE6908 Kertas Ilmiah

Syarat Pengurniaan Ijazah

- a. Memenuhi semua kehendak Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Siswazah) 2015
- b. Mencapai PNGK akhir sekurang-kurangnya 3.00;
- c. Menyempurnakan bilangan kredit seperti yang ditetapkan program;
- d. Memenuhi syarat penerbitan yang ditetapkan oleh Fakulti, iaitu sekurang-kurangnya satu (1) prosiding seminar/ persidangan dan pembentangan. Penerbitan hendaklah diterbitkan bersama Penyelia Utama dan Kedua/Jawatankuasa Penyeliaan. Pelajar yang menerbit artikel dalam jurnal dikecualikan daripada syarat ini; *Penerbitan berkaitan penyelidikan semasa memenuhi syarat keperluan Bahasa Melayu bagi pelajar luar negara seperti yang ditetapkan oleh Universiti;
- e. Diperakuan oleh Jawatankuasa Pemeriksa Siswazah untuk kelulusan Senat;
- f. Telah memulangkan semua harta benda Universiti;
- g. Telah melangsangkan hutang dan menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan kepada Universiti.

Rancangan Pengajian

Rancangan pengajian yang dicadangkan adalah seperti berikut:

| Semester | Nama Kursus | Komponen | Kredit |
|----------|--|--|-------------------|
| 1 | EPPE6014 Mikroekonomi EPPE6024 Makroekonomi EPPE6034 Kaedah Ekonometrik <i>dan</i> EPPE6XXX Kursus Wajib Modul EPPE6XXX Kursus Wajib Modul LMCM1083 Bahasa Melayu Komunikasi Antarabangsa* <i>atau</i> LMCM1093 Bahasa Melayu untuk Pelajar Nusantara* | Kursus Wajib Program Kursus Wajib Program Kursus Wajib Program Kursus Wajib Modul Kursus Wajib Modul Kursus Bahasa Melayu | 12 8 20 |
| 2 | EPPE6XXX Kursus Wajib Modul | Kursus Wajib Modul | 4 |

| | | | |
|----------------------|--|--|-----------|
| | dan EPPE6XXX Kursus Elektif EPPE6XXX Kursus Elektif | Kursus Elektif Kursus Elektif Pelantikan Penyelia Utama dan Kedua. | 8 |
| 3 | EPPE6908 Kertas Ilmiah | <ul style="list-style-type: none"> ● Pendaftaran Kertas Ilmiah ● Pembentangan dalam persidangan dan penerbitan prosiding | 12 |
| JUMLAH KREDIT | | | 40 |

*Untuk calon luar negara sahaja

| Kumpulan Pelajar Pascasiswazah Antarabangsa | Kod dan Nama Kursus Bahasa Melayu |
|--|---|
| Luar Nusantara Pelajar dari negara yang bukan penutur natif Bahasa Melayu | LMCM1083 Bahasa Melayu Komunikasi Antarabangsa |
| Nusantara Pelajar berasal dari negara yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai Bahasa rasmi/utama dan merupakan penutur natif Bahasa Melayu seperti Indonesia, Singapura, Brunei dan Wilayah Melayu di Selatan Thailand. | LMCM1093 Bahasa Melayu untuk Pelajar Nusantara |

SINOPSIS PROGRAM EKONOMI

EPPE6014 Mikroekonomi

Kursus ini bertujuan memberikan kefahaman yang mendalam dalam teori mikroekonomi. Tajuk-tajuk yang dibincangkan menrangkumi Teori Pengguna, Teori Firma, Pasaran Kompetitif, Monopoli dan Oligopoli, Kesan Luaran dan Keseimbangan Umum. Selepas mengikuti kursus ini pelajar berupaya untuk menghubungkaitkan tajuk-tajuk yang dipelajari untuk memahami masalah ekonomi.

Rujukan

- Robert Pindyck & Daniel Rubinfeld. (2017). *Microeconomics*. 9th Edition. Pearson.
- Walter Nicholson & Christopher M. Snyder. (2017). *Microeconomic theory: Basic principles and extensions*. 12th Edition. Cengage Learning.
- Micheal E. Wetzstein. (2013). *Microeconomic theory: Concepts and connections*. 2nd. Edition. Routledge.
- Geoffrey A. Jehle. (2011). *Advanced microeconomic theory*. 3rd Edition. Pearson.
- Brian R. Binger & Elizabeth Hoffman. (1998). *Microeconomic with calculus*. 2nd Edition. Addison Wesley.

EPPE6024 Makroekonomi

Kursus ini membincangkan isu pengurusan makroekonomi dengan pendekatan analisis terkini. Tajuk penting terbahagi kepada empat bahagian. Bahagian pertama merangkumi model makroekonomi yang meliputi topik permintaan agregat, penawaran agregat dan kitaran perniagaan; inflasi, pengangguran dan aturan monetari; pasaran buruh dan dasar di sebelah penawaran; dan dasar monetari dan fiskal. Bahagian kedua membincangkan model penggunaan, pelaburan dan kewangan. Bahagian ketiga pula memberi tumpuan kepada model ekonomi terbuka yang meliputi topik inflasi dan pengangguran, kejutan dan tindak balas dasar makroekonomi dan analisis kebergantungan ekonomi. Bahagian terakhir membincangkan model pertumbuhan ekonomi oksigen dan endogen. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya mampu mengolah dan menganalisis isu makroekonomi semasa dama konteks teori dan juga aplikasi.

Rujukan

- Carlin, Wendy & Soskice, David. (2015). *Macroeconomics: Institutions, instability, and the financial system*. Oxford: Oxford University Press.
- Carlin, Wendy & Soskice, David. (2006). *Macroeconomics: Imperfections, institution and policies*. Oxford: Oxford University Press.

Froyen, R. T. (2012). *Macroeconomics: Theories and policies*. New Jersey: Pearson, 10th Edition.

Mankiw, N. G. (2015). *Macroeconomics*. New York: Worth Publishers. 9th Edition.

Romer, D. (2018). *Advanced macroeconomics*. McGraw-Hill/Irwin, 5th. Edition.

EPPE6034 Kaedah Ekonometrik

Kursus ini mendedahkan kepada pelakar model regresi asas. Model regresi berbilang klasik: Penganggaran, analisis varians dan ujian hipotesis. Model dengan masalah multikolimeariti, heteroskedastisiti dan autokorelasi: pengemaman dan kaedah mengatasi. Regresi dengan pembolehubah dami. Kriteria pemilihan model.

Rujukan

Wooldridge, J.M. (2016). *Introductory Econometrics: A Modern Approach*. 6th Edition, Massachusetts: Cengage Learning

Carlin, Wendy & Soskice, David. (2015). *Macroeconomics: Institutions, Instability, and The Financial System*. Oxford: Oxford University Press.Asteriou, D. & Hall, S.G. (2011). *Applied Econometrics*. 2nd Edition. New York: Palgrave Macmillan.

Enders, W. (2014). *Applied Econometric Time Series*. 4th Edition. New Jersey: John Wiley & Sons.

Stock, J.H. & Watson M.W. (2015). *Introduction To Econometrics*. Updated 3rd Edition. New York: Pearson.

Studenmund, A.H. (2011). *Using Econometrics: A Practical Guide*. 6th Edition. New York: Pearson

EPPE6114 Analisis Portfolio

Kursus ini akan membincangkan dengan terperinci teori portfolio, risiko pelaburan serta pembentukan portfolio pelaburan yang cekap dan optimum. Kursus ini juga meliputi tajuk-tajuk seperti teori opsyen dan pasaran hadapan, aplikasi teori opsyen dan pasaran hadapan, aplikasi teori opsyen dan pasaran hadapan dalam bentuk pertukaran mata wang, ekuiti dan bon, dan insurans deposit bank, model kelakuan bank, risiko dan volatiliti harga aset, aktiviti perbendaharaan bank dan persekitaran peraturan bank.

Rujukan

Body, Z., Kane, A., & A.J. Marcus 2011. *Investment and portfolio management*, Singapore: McGraw-Hill

Elton, E. J., Gruber, M. J., Brown S. J. And Goetzmann W. N. 2007. *Modern Portfolio Theory and Investment Analysis*. 7th Edition. New York: John Wiley and Sons.

Hull, John C. 2000. Options Futures & Other Derivatives, Ed. Ke-4. Prentice-Hall International Inc.

EPPE6124 Ekonomi Monetari

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman tentang beberapa aspek wang dan ekonomi makro, dengan melihat kepada mengapa dan bagaimana sesuatu dasar monetari mempengaruhi pembolehubah agregat makroekonomi seperti output, penggunaan, inflasi dan pengangguran. Selain itu, tumpuan akan diberikan kepada apakah ciri-ciri ‘baik’ dasar monetari dengan menilai kebaikan dan keburukan pelbagai strategi dasar monetari. Aspek tertentu yang akan dibincangkan termasuklah sifat dan fungsi wang; wang dalam analisis keseimbangan umum; permintaan dan penawaran wang; model monetari ekonomi klasik, neoklasik, keynesian dan noe-keynes; serta dasar monetari dan bank pusat dari segi matlamat, alat dan panduan untuk dasar monetari, masalah kredibiliti dalam dasar monetari; ketelusan dasar kewangan dan penyelarasian dasar monetari fiskal.

Rujukan

- Walsh, C.E. (2017). *Monetary theory and policy*. Fourth edition. The MIT Press.
- Handa, J. (2009). *Monetary economics*. Second Edition. London: Routledge.
- Woodford, M. (2003). *Interest and prices: Foundations of a theory of monetary policy*. Princeton University Press.
- Mishkin, F.S. (2015). *The economics of money, banking and financial market*. 11th Edition. Boston: Pearson.
- Lewis, M.K. & Mizan, P.D. (2000). *Monetary economics*. Oxford: University Press.

EPPE6134 Organisasi Industri Lanjutan

Kursus ini memberi pendedahan secara mendalam mengenai teori gelagat firma dalam berbagai situasi persaingan. Tajuk-tajuk seperti diskriminasi harga berbagai pasaran. Pengurusan vertikal, persaingan antara jenama, strategi persaingan juga akan dibincangkan. Interaksi strategik dan persaingan dinamik akan juga dibentangkan dengan menggunakan teori permainan (game theory) sebagai alat analisis. Kajian mengenai paradigma Struktur-Gelagat-Prestasi (Structure-Conduct-Performance) melengkapkan kursus ini.

Rujukan

- Carlton, D.W. & Perloff, J. (2015). *Modern industrial organization*. 4th Edition. England .Pearson Education Limited.
- Lipcyzynski, J. Wilson, J. & Goddard, J. (2013). *Industrial organization: Competition, strategy, policy*. 4th Edition. England: Perason Education Limited.

- Pepall, L. Richards, D. & Norman, G. (2014). *Industrial organization: Theory and applications*. 5th Edition New York: John Wiley & Son.
- Pepall, L. Richards, D. & Norman, G. (2005). *Industrial organization: Contemporary theory and practice*. 3rd Edition. New York: South-Western College Publishing.
- Tirole, J. (1999). *The Theory of Industrial Organization*. Massachusetts: MIT Press

EPPE6144 Pembiayaan Awam

Kursus ini bertujuan untuk memberi fahaman tentang teori dan konsep penting dalam perbelanjaan awam dan pencukaian. Pelajar akan diberi huraian yang terperinci tentang tajuk berikut: kegagalan pasaran dan rasional campur tangan kerajaan, mekanisme peruntukan sumber kepada barang awam, eksternaliti dan dasar awam, penentuan harga perusahaan awam, prinsip pencukaian, kesan cukai dari segi kecekapan, insentif dan insiden cukai, analisis normatif dalam pencukaian, cukai dalam ekonomi terbuka, dan federalisme fiskal dari segi teori dan amalan di Malaysia. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya dapat menganalisis isu semasa dalam pembiayaan awam dan seterusnya mengemukakan implikasi dasar yang patut dipertimbangkan oleh kerajaan untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan kebijakan masyarakat.

Rujukan

- Bruce, N. 2001. Public sector economics. Cambridge, Massachusetts: Winthrop Publishers.
- Hyman, D.N. 2002. Public finance: a contemporary application of theory to policy. 7th Edition. New York: Dryden Press.
- Myles, G.D. 2002. Public economics. Cambridge: Cambridge University Press.
- Stiglitz, J.E. 2000. Economics of the public sector. 3rd Edition. New York: W.W. Norton.
- Vermeend, Willem, Rick Van Der Ploeg, D. & Jan Willem Timmer. 2009. Taxes and the economy. Northampton: Edward Edgar Publishing.

EPPE6154 Ekonomi Dasar Sosial

Kursus ini bertujuan memberikan fahaman mengenai konsep, teori dan analisis dalam aspek ekonomi dasar sosial. Kursus ini merangkumi perbincangan kerajaan: kebijakan dan keadilan sosial; pendapatan, agihan dan kualiti hidup; sektor perkhidmatan sosial utama, iaitu pendidikan, kesihatan dan perumahan; dan pembiayaan serta institusi kebijakan sosial. Setelah mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya dapat menjelaskan dan membincangkan prinsip, konsep dan teori asas ekonomi dasar sosial; menjelaskan hubung kait kuasa dan kekayaan dan kesannya

terhadap pencapaian matlamat dasar sosial dalam masyarakat; dan menggunakan teori untuk menjelaskan permasalahan sosial.

Rujukan

- Stiglitz, J.E. & Rosengard, J.K. (2015). *Economics of the public sector*. New York: W. W. Norton. 4th Edition.
- Henderson, J.W. (2014). *Health economics and policy*. 6th Edition. Cincinnati: South-Western Cengage Learning.
- Le Grand, J. & Robinson, R. (1992). *The economics of social problems: The market versus the state*. Hampshire: Macmillan. 3rd Edition.
- Roziah, O. & Sivamurugan P. (2005). *Malaysia: Isu-isu sosial semasa*. Kuala Lumpur: Institut Sosial Malaysia.
- Stiglitz, J.E. (2000). *Economics of the public sector*. New York: W.W. Norton.

EPPE6164 Kewangan Antarabangsa

Objektif kursus ini ialah untuk membincangkan teori makroekonomi terbuka (juga dikenali sebagai kewangan antarabangsa). Matlamat kursus ini adalah untuk menangani hamper semua isu teras dalam kewangan antarabangsa dalam pendekatan moden yang sistematik yang memberi perhatian kepada nuansa dasar-dasar mikro. Kursus ini akan membincangkan secara terperinci teori-teori kewangan antarabangsa termasuk faedah-faedah, penukaran kadar pertukaran asing, risiko kadar tukaran asing, isu-isu kawalan pertukaran asing, pasaran kewangan dan modal.

Rujukan

- Bekaert, G. & R. J. Hodrick. (2017). *International Financial Management*. 3rd Edition, Cambridge University Press.
- Vegh C. (2013). *Open Economy Macroeconomics in Developing Countries*. The MIT Press.
- Gali, J. (2008). *Monetary Policy, Inflation, and the Business Cycle: An Introduction to the New Keynesian Framework*. 1st Edition. Princeton University Press.
- Obstfeld, M. & Rogoff, K. (1996). *Foundations of International Macroeconomics*. 1st Edition, the MIT Press.
- Appleyard, D.R. & Alfred J. F. and Cobb S. (2010). *International Economics*. 7th Edition. New York: McGraw Hill.

EPPE6174 Ekonomi Perdagangan Dan Industri / *Trade and Industrial Economics*

This course examines the inter-relationship between production structure, consumption and the ensuing trade that results, in a microeconomic framework.

Production is conditioned by the industrial structure and this in turn is very much influenced by movement of factors especially foreign direct investment. Trade and industrial policy effects the cost of doing business which then influences the production structure in a country. The role of trade and industrial policy in a multilateral framework in promoting growth and development will also be discussed.

Rujukan/ References

- Feenstra, R. C. (2016). *Advanced international trade: Theory and evidence*. Second Edition. Princeton University Press. New Jersey.
- Daniel, M.C.J. (2000). *Knowledge spillovers and economic growth: Regional growth differentials across Europe*. Cheltenham: Edward Elgar Publishing Limited.
- Khalifah, N.A. & Adam, R. (2009). *Productivity spillovers from FDI in Malaysian manufacturing: Evidence from micro-panel data*. Asian Economic Journal, 23(2): 143-167.
- U.S. Department of Commerce (2017). *Guide to Industry Classifications for International Surveys 2017. Bureau of Economic Analysis*.
- Hoekman, Bernard & Kostecki, Micheal. (2010). *The Political Economy of the world trading system*. Oxford University Press.

EPPE6184 Ekonomi Politik Perdagangan Antarabangsa

Kursus ini akan memberi penekanan kepada aspek ekonomi politik dalam pembentukan dasar perdagangan antarabangsa. Beberapa teori mengapa perdagangan antarabangsa berlaku akan dikaji. Berdasarkan teori, pihak yang untung dan pihak yang rugi akibat perdagangan antarabangsa dapat dikenalpasti. Seterusnya, bagaimana pihak yang rugi mengguna jentera kerajaan untuk mencari perlindungan akan dikaji. Perkembangan kini dalam arena perdagangan antarabangsa yang menuju ke arah regionalisasi dan globalisasi juga akan dikaji. Isu-isu seperti perundingan perdagangan antarabangsa pelbagai hala dan WTO turut ditinjau.

Rujukan

- Feenstra, R. C. (2016). *Advanced international trade: Theory and evidence*. Second Edition. Princeton University Press. New Jersey.
- U.S. Department of Commerce (2017). *Guide to Industry Classifications for International Surveys 2017. Bureau of Economic Analysis*.
- Hoekman, Bernard & Kostecki, Micheal. (2010). *The Political Economy of the world trading system*. Oxford University Press.
- Peneder, M. (2001). *Industry classifications aim, scope and techniques*. Austrian Institute of Economics Research (WIFO).

Acharyya, R. & Kar, S. (2014). *International trade and economic development*. 1st Edition. Oxford University Press. United Kingdom

EPPE6214 Perancangan Ekonomi Lanjutan

Kursus ini bertujuan untuk mengkaji rasional, bentuk, jenis, proses perancangan, mekanisma perancangan dan perancangan sektoral. Kajian perbandingan amalan perancangan ekonomi terhadap beberapa negara terpilih akan dilakukan. Teknik dan model perancangan juga dibincangkan, seperti model agregat, model sektoral, analisis input output dan teknik penilaian kaji semula projek. Selepas mengikuti kursus ini pelajar mampu menilai secara kritis isu-isu penting dalam perancangan ekonomi.

Rujukan

- Chow, G.C. 2002. *China's economic transformation*. Oxford:
- Hunt, S.D. 2000. *A general theory of competition: resources, competences, productivity, economic growth*. Thousand Oaks, CA:
- Lewis, A.W. 2003. *The principles of economic planning*. Rutledge: Taylor and Francis Group.
- Gupta, K.R. 2009. *Economic of development and planning*. 4th Edition and Enlargement Edition. New Delhi: Atlantic Publication.
- Osterfeld, D. 1992. *Prosperity verses planning. How government stifles economic growth*. Oxford: Oxford University Press.

EPPE6224 Teori Dan Dasar Pembangunan

Kursus ini memperkenal dan membincangkan landasan teoritis dan paradigma pembangunan ekonomi. Ia juga membincangkan proses pertumbuhan dan perubahan struktur kesan daripada teori pertumbuhan 'lama' dan 'baru'. Kursus ini juga meliputi perbincangan mengenai kemiskinan, ketakseteraan; kepemerintahan; teori, dasar dan strategi pembangunan sektor pertanian, perindustrian dan perkhidmatan; mobilisasi sumber di dalam dan luar negara; globalisasi dan liberalisasi; termasuk perdagangan antarabangsa.

Rujukan

- Siggel, E. (2016). *Development economics: A policy analysis approach*. London/New York: Routledge.
- Siggel, E. (2016). *Development economics: A policy analysis approach*. London/New York: Routledge.
- Hess, P & Clark, R. (1997) *Economic development: Theories, evidence and policies*. Forth Worth: The Dryden Press.

- Jomo K.S & Erik Reinert (eds.,). (2005). *The origins of development economics: How schools of thoughts have addressed development*. London: Zed Books.
- Jomo, K.S. & Ben Fine (eds.,). (2006). *The new development economics: After the Washington consensus*. London: Zed Books.
- Yuijiro Hayami. (1997). *Development economics: From the poverty to the wealth of nations*. Oxford: Clarendon Press.

EPPE6234 Perdagangan Dan Pembangunan

Kursus ini bertujuan memberi fahaman mendalam tentang teori perdagangan antarabangsa dalam kaitannya dengan pembangunan. Beberapa model perdagangan antarabangsa seperti model pertumbuhan pimpinan eksport, model dua-jurang, model pertumbuhan berkekangan imbangan pembayaran dan model pertumbuhan endogen akan diteliti. Kursus ini juga membuat analisis mengenai berbagai opyen dasar perdagangan antarabangsa seperti dasar perlindungan berkesan, dasar penggantian import dan dasar galakan eksport. Satu analisis khusus mengenai kaitan antara proses perindustrian dan perdagangan akan dibuat. Selanjutnya analisis juga dibuat mengenai kesan-kesan perdagangan kepada kebijakan, alam sekitar dan taraf hidup. Teori kesatuan kastam (customs union) dan kerjasama perdagangan terpilih (preferential trade cooperation) diteliti untuk menggambarkan faedah daripada kerjasama ekonomi serantau dalam era globalisasi. Penilaian terhadap kebaikan dan keburukan multilateralism dan WTO kepada negara membangun akan dibuat. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar dapat membincang dan menilai dasar perdagangan dan kaitannya dengan pembangunan sesebuah negara.

Rujukan

- De Janvry, A. & Sadoulet, E. (2016). *Development economics: Theory and practice*. 1st Edition. Routledge. New York.
- Feenstra, R. C. (2016). *Advanced international trade: Theory and evidence*. Second Edition. Princeton University Press. New Jersey.
- Pomfret, R. (2016). *International trade: Theory, evidence and policy*. World Scientific Publishing Co. Pte. Ltd. Singapore.
- Van den Berg, H. (2016). *Economic growth and development*. 3rd Edition. World Scientific Publishing Co. Pte. Ltd. Singapore.
- Acharyya, R. & Kar, S. (2014). *International trade and economic development*. 1st Edition. Oxford University Press. United Kingdom.

EPPE6244 Perancangan Pembangunan Sumber Manusia

Kursus ini bertujuan memberi fahaman kepada pelajar tentang konsep, isu dan teknik perancangan pembangunan sumber manusia. Kandungan kursus ini

merangkumi empat aspek penting, iaitu kesediaadaan sumber manusia termasuk penduduk dan migrasi; pembangunan sumber manusia termasuk pendidikan, latihan dan kesihatan; perancangan tenaga kerja termasuk teknik pelunjuran tenaga kerja, perancangan pendidikan dan strategi guna tenaga; impak modal manusia terhadap pertumbuhan ekonomi, agihan pendapatan, upah dan perbezaan upah. Selepas mengikuti kursus ini pelajar seharusnya mampu mengolah isu, memahami strategi dan mengaplikasikan teknik dan teori perancangan pembangunan sumber manusia kepada situasi sebenar.

Rujukan

- Abegaz, B. 1994. *Manpower development planning*. London: Ashgate Publishing Company.
- Becker, G.S. 1993. *Human capital: theoretical and empirical analysis, with special reference to education*. Chicago: The Chicago University Press.
- Hopkin, M. 2002. *Labour market planning revisited*. New York: Macmillan.
- Olivier Bertrand. 2004. *Planning human resources: methods, experiences and practices*. Paris: UNESCO: International Institute for Education Planning.
- Rahmah Ismail. 2016. *Ekonomi sumber manusia: teori dan empirikal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

EPPE6254 Pengurusan Sumber Manusia

Kursus ini bertujuan memberi fahaman mengenai aspek penting dalam disiplin pengurusan sumber manusia. Aspek yang menjadi tumpuan kursus ini ialah penilaian fungsi-fungsi pengurusan, penilaian prestasi, analisis pekerjaan, mentadbir sistem ganjaran, disiplin dan tuntutan pekerja, kemahiran rundingan, latihan dan pembangunan, analisis keperluan latihan, undang-undang pekerjaan, perancangan kerjaya, dan penilaian terhadap konsep serta pendekatan strategik dalam pengurusan sumber manusia. Analisis perbandingan turut dilakukan dengan melihat amalan sistem pengurusan antara beberapa negara. Di akhir kursus ini pelajar akan mendapat fahaman yang luas berhubung isu penting dalam bidang pengurusan dan mempelajari teknik-teknik bagi menangani isu-isu tersebut.

Rujukan

- Dessler, G. (2016). *Human resource management*. 15th Edition. New Jersey: Pearson.
- Harris, M. (1999). *Human resource management: A practical approach*. 2nd Edition. Texas: The Dryden Press.
- Mathis, R.L., Jackson, J.H. & Valentine, S.R. (2014). *Human resource management*. 14th Edition. Connecticut: Cengage Learning.

Noe, R.A., Hollenbeck, J.R., Gerhart, B., & Wright, P.M. (2014). *Human resource management: Gaining a competitive advantage*. 9th Edition. New York: McGraw Hill.

Werther, W.B. & Davis, K. (1996). *Human Resource and Personnel Management*. 5th Edition. New York: McGraw-Hill.

EPPE6264 Ekonomi Buruh Lanjutan

